

Mahasiswa UTHM ajar kanak-kanak ikhtiar hidup

Mahasiswa UTHM dalam Kursus Trekking (UQS1230) Seksyen 3, bergambar kenangan dengan kanak-kanak yang menyertai program berkenaan.



BATUPAHAT - Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dari Kursus Trekking (UQS1230) Seksyen 3, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum mendedahkan ilmu ikhtiar hidup kepada 33 kanak-kanak menerusi program Maverick

Camp, di sini.

Kursus itu membabitkan kanak-kanak berusia 8 hingga 11 tahun yang merupakan anak staf UTHM.

Pengarah program, Nuur Fatimah Ismail berkata, antara pengisian dalam program itu ialah

perkara yang berkaitan dengan pengetahuan asas ketika berada bersendirian.

"Kita mesti didik kanak-kanak ni supaya boleh berdikari melakukan kerja asas, termasuklah apabila berada dalam hutan sebagai

persediaan jika berlaku sebarang kemungkinan.

"Antara kemahiran yang diajar dalam kursus ini ialah pelbagai jenis ikatan, berkayak, *rock climbing* dan beberapa kemahiran lain, yang membolehkan mereka menerus-

kan ikhtiar hidup jika bersendirian," katanya.

Tambahnya, selain itu pengajaran program ini adalah untuk memenuhi syarat bergraduasi mahasiswa berkenaan sebelum menempuh alam pekerjaan.